

**Kg Melayu: Pakatan tawar manifesto pro-rakyat**  
**Malaysiakini.com**  
**October 29 ,2011**

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, Pakatan Rakyat akan menawarkan untuk memberi keutamaan kepada penduduk dan bukannya kepada pemaju dalam isu membangunkan kawasan tradisi Melayu seperti Kampung Baru.

Jaminan berkenaan akan dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam manifesto Pakatan dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, katanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen Tanah dan Perumahan Kuala Lumpur 2011.

"Jaminannya akan kita fikir, kita masukkan dalam manifesto kita. Maknanya hak rakyat akan kita utamakan kerana pemaju ini ada kepentingan. Yang lebih membimbang kita ialah ia dibayangi rasuah

"Oleh kerana itu mereka yang berkuasa ini bermati-matian mempertahankan pemaju kerana (langkah tersebut) menguntungkan pihak tertentu.

"Insya-Allah, pakatan Rakyat akan hapuskan hal ini dan kita buktikan di empat negeri yang kita perintah, untuk membersihkan perkara rasuah supaya tidak boleh diguna oleh pemaju," katanya lagi.

Beliau ditanya demikian memandangkan pembangkang tidak berjaya menghalang kerajaan daripada membawa Rang Undang-undang Pembangunan Kampung Baru 2011 sehingga diluluskan Dewan Rakyat pada 5 Oktober lalu.

"Insya-Allah keadaan akan berubah. Di negara lain, apabila kerajaan buat sesuatu dia akan bentang kepada rakyat, dengar bantahan rakyat dulu.

"Ini tidak, terus buat (undang-undang) hingga rakyat terpinga-pinga. Kita akan buat perubahan insya-Allah," katanya lagi ketika ditanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen Tanah dan Perumahan Kuala Lumpur 2011 di Kampung Baru hari ini.

Berikut ialah 13 perkara dalam resolusi yang dicapai dalam konvensyen tersebut:

- Mendesak kerajaan melibatkan penduduk dalam apa sahaja perancangan pembangunan. Pembabitian pandangan penduduk adalah antara keutamaan terpenting dalam sebarang perancangan.
- Mendesak kerajaan untuk memastikan setiap pembangunan yang dirancang bersifat menjaga, melindungi dan menjamin kebajikan serta kualiti kehidupan penduduk.
- Meningkatkan kualiti pengangkutan dan infrastruktur awam di pusat bandar dan di sekitar pinggir bandar yang kini didiami oleh sebahagian penduduk yang bekerja di ibu kota. Hasrat kerajaan untuk menambah kapasiti warga kota ke 2.2 juta menjelang 2020 perlu dihentikan selagi mana aspek pengangkutan dan infrastruktur awam yang memainkan peranan penting dalam konteks kepadatan ibu kota tidak ditambah baik.
- Pembangunan yang dilaksanakan perlu bersepadu membabitkan keseimbangan alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau. Sebarang projek di lokasi yang berisiko mesti dihentikan.
- Satu akta khusus mengenai kampung tradisi khususnya di Kuala Lumpur dan di bandar besar lain perlu diwujudkan bagi mengelakkan kampung ini hilang ditelan pembangunan dan pemodenan.
- Perkampungan tradisi di Kuala Lumpur perlu diisytiharkan sebagai perkampungan warisan Melayu dan

DBKL juga perlu membentuk sebuah jawantankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk merancang pembangunan kampung tradisi bersama wakil penduduk kampung.

- Kerajaan perlu memberi hak milik kekal kepada para penduduk yang mendiami perkampungan tradisi sebagai memastikan kawasan tersebut kekal terpelihara. Tanah rizab Melayu dan tanah yang dimiliki orang Melayu sekitar Kuala Lumpur mestilah dikekalkan kepada orang-orang Melayu.

- Kerajaan perlu merangka suatu agenda untuk membolehkan kampung tradisi dijadikan sebagai destinasi pelancongan dan mengekalkannya sebagai Kampung Melayu Tradisional. Industri hiliran seperti perusahaan membuat kain batik, membuat keropok, kompong dan lain-lain perlu dimajukan.

- Projek perumahan rakyat (PPR) yang disasarkan untuk golongan berpendapatan rendah perlu melaksanakan polisi sewa-beli untuk penduduk tanpa syarat kelayakan yang terlalu ketat dan membebankan. Sebahagian tempoh sewaan perlu diambil sebagai bayaran deposit untuk pembelian manakala bayaran sewaan selebihnya diambil sebagai ansuran.

- PPR yang tidak diselenggara oleh pemaju perlu dikenakan caj kepada mereka. DBKL perlu mengambil alih PPR tanpa penyenggaraan ini.

- Dicapadangkan ditubuhkan Badan Amanah yang diwakili oleh wakil penduduk Kampung Baru dan mereka yang berkepentingan langsung dalam pembangunan Kampung Baru tersebut. Proses pembangunan Kampung Baru perlulah dilakukan dengan telus dan mengikut pandangan dan suara hati anak Kampung Baru sendiri. Penubuhan Tabung Amanah akan mewujudkan kepada 2 jenis saham melibatkan saham tanah dan saham sewa. Ia alternatif terbaik menjadikan kawasan berkenaan kekal milik Melayu sepenuhnya.

- Dicapadangkan tanah yang tidak dibangunkan berjumlah 5,757 hektar seperti tanah lombong, belukar dan sebagainya dijadikan taman rekreasi atau pusat kemudahan awam. Selain itu, tanah tersebut boleh dibangunkan sebagai tanah kediaman untuk kawasan setinggan yang masih berbaki di Kuala Lumpur.

- Kawasan kediaman sedia ada tidak perlu ditukar kepada kawasan perdagangan. Kawasan yang ingin dibangunkan perlu difokuskan kepada kawasan yang masih belum dibangunkan. Dengan itu, ia tidak akan menjejaskan penduduk.